

Jumaat, 12 Jun 2020 | 10:54am



KPDNHEP Selangor jalankan OPS Catut 7.0 bagi memantau pengusaha premis dandanan dan gunting rambut di Selangor. - Foto/Ihsan KPDNHEP Selangor

KPDNHEP Selangor keluarkan 14 notis kepada pengusaha dandanan, gunting rambut

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

SHAH ALAM: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor mengeluarkan 14 notis kepada 14 pengusaha premis dandanan dan gunting rambut di negeri ini menerusi OPS Catut 7.0, semalam.

Pengarahnya, Muhamad Zikril Azan Abdullah, berkata notis kepada 14 premis dandanan dan gunting rambut dilakukan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Kita akan siasat sama ada pengusaha itu cuba mengambil keuntungan tidak munasabah dengan menaikkan harga perkhidmatan itu.

"Sekiranya ada kesalahan kita akan mengambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011, yang boleh didenda maksimum RM1 juta bagi suatu pertubuhan perbadanan, manakala bagi bukan pertubuhan tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan maksimum lima tahun atau kedua-

duanya," katanya dalam satu kenyataan.

OPS Catut 7.0 dijalankan bagi memastikan sektor perniagaan dandanan dan gunting rambut yang mengambil kesempatan menaikkan harga perkhidmatan selepas kebenaran beroperasi, 10 Jun lalu.

Pengusaha terbabit tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi mengelak penularan COVID-19.

Justeru, pemeriksaan OPS Catut 7.0 terhadap dandanan dan gunting rambut akan diteruskan bagi memastikan suasana perniagaan beretika, selain melindungi kepentingan dan hak pengguna.

"Pengguna boleh menyalurkan aduan kepada KPDNHEP disediakan seperti aduan secara dalam talian di <https://eaduan.kpdnhep.gov.my>, atau memuat turun Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDNKK.

"Selain itu, pengguna boleh menghubungi talian Hotline Aduan 1-800-886-800, email eaduan.kpdnhep.gov.my, Pusat Arahan Penguatkuasaan (Enforcement Command Centre) – ibu pejabat 03-8882 6088/6245, Whatsapp 019-279 4317 atau Bilik Gerakan KPDNHEP Negeri Selangor (Enforcement Command Centre – ECC) (03-5512 5458)," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/06/699388/kpdnhep-selangor-keluarkan-14-notis-kepada-pengusaha-dandanan-gunting>

